

**CABARAN DAN INISIATIF PENJAJA MAKANAN
DALAM MENYAMPAIKAN PRODUK JUALAN
KEPADA PENGGUNA SEMASA PANDEMIK COVID-
19 DI DAERAH PAPAR, SABAH**



DG FARINAH TO BINTI MOHD FAKHRI TO

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

**CABARAN DAN INISIATIF PENJAJA
MAKANAN DALAM MENYAMPAIKAN PRODUK
JUALAN KEPADA PENGGUNA SEMASA
PANDEMIK COVID-19 DI DAERAH PAPAR,
SABAH**



DG FARINAH TO BINTI MOHD FAKHRI TO

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA GEOGRAFI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **CABARAN DAN INISIATIF PENJAJA MAKANAN DALAM
MENYAMPAIKAN PRODUK JUALAN KEPADA PENGGUNA SEMASA
PANDEMIK COVID-19 DI DAERAH PAPAR, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA MUDA**

BIDANG : **SAINS SOSIAL (GEOGRAFI)**

Saya **DG FARINAH TO BINTI MOHD FAKHRI TO**, pelajar sesi 2019-2022,
mengaku membenarkan tesis sarjana muda ini disimpan di Perpustakaan Universiti
Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam Akta Rahsia.

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan.

/

TIDAK TERHAD

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa hasil penulisan latihan ilmiah bertajuk Cabaran Dan Inisiatif Penjaja Makanan Dalam Menyampaikan Produk Jualan Kepada Pengguna Semasa Pandemik COVID-19 Di Daerah Papar, Sabah adalah hasil kerja saya sendiri, melainkan ringkasan serta petikan yang setiap satunya telah saya sertakan sumbernya.



Nama

11 OGOS 2022

Tarikh

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DG FARINAH TO BINTI MOHD FAKHRI TO**

NO MATRIK : **BA19110737**

TAJUK : **CABARAN DAN INSIATIF PENJAJA MAKANAN DALAM
MENYAMPAIKAN PRODUK JUALAN KEPADA PENGGUNA
PANDEMIK COVID-19 DI DAERAH PAPAR, SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI)
DENGAN KEPUJIAN**



PENYELIA

Dr. Harifah Mohd. Noor

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan ucapan syukur dipanjatkan kepada Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya penulisan ini dapat disiapkan sebagai pelengkap kepada keperluan kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Geografi), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Pada awalnya, kajian ini dilakukan atas sebab situasi terkini yang menggalakkan penulis untuk membuat penulisan terhadap isu kajian ini. Saya ingin menzahirkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Harifah Mohd Noor atas tunjuk ajar dan sentiasa memberikan panduan yang sangat berguna sepanjang proses penghasilan penulisan ini. Tidak dilupakan juga kepada bekas penyelia saya, Allahyarham Profesor Madya Dr. Jabil Mapjabil dan juga pensyarah-pensyarah daripada program geografi dan luar program atas sedikit sebanyak telah memberikan tunjuk ajar, ilmu dan kata-kata semangat untuk saya dan rakan-rakan yang lain. Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada para penjaja makanan yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam menjawab soal selidik. Sesungguhnya tanpa adanya kerjasama dari mereka, kajian ini tidak akan dapat dihasilkan. Akhir sekali, ucapa terima kasih saya tujukan kepada ibu bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan program saya yang secara tidak langsung memberikan semangat dan dorongan moral kepada saya sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya kajian ini tidak akan dapat disiapkan tanpa bantuan daripada kalian semua.

DG FARINAH TO BINTI MOHD FAKHRI TO
11 OGOS 2022

ABSTRAK

COVID-19 ialah penyakit berjangkit yang berpunca daripada *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2* (SARS-CoV-2). Pada 30 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai kecemasan kesihatan awam antarabangsa selepas kes baharu wabak tersebut merebak ke luar China termasuk Malaysia. Bagi mengawal penularan wabak ini, pelbagai sekatan telah dilaksanakan oleh pemerintah di kebanyakan negara. Di Malaysia sekatan-sekatan seperti Perintah Kawalan Pergerakan serta penutupan sempadan negara telah dilakukan. Sekatan yang dilaksanakan dilihat sememangnya mampu mengawal penularan wabak tersebut. Namun, sekatan yang dilaksanakan mendatangkan kesan negatif terhadap kemampuan perniagaan di seluruh dunia termasuk Malaysia. Penutupan pelbagai sektor di seluruh negara termasuk di daerah Papar menyebabkan peniaga kecil dan penjaja menghadapi pelbagai kesukaran dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji cabaran yang dihadapi oleh para penjaja di daerah Papar dalam menyampaikan produk jualan kepada pengguna semasa pandemik COVID-19. Di samping itu, kajian ini turut mengenalpasti inisiatif-inisiatif yang diambil oleh penjaja di daerah Papar dalam menyampaikan produk jualan mereka kepada pengguna semasa pandemik COVID-19. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji mengaplikasikan pendekatan kuantitatif yang berasaskan kepada kaedah berbentuk tinjauan soal selidik yang melibatkan 50 orang penjaja makanan. Data soal selidik dianalisis dengan bantuan perisian *IBM SPSS Statistics*. Teknik analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan nilai min digunakan bagi menjelaskan hasil dapatan kajian ini. Penemuan kajian ini menunjukkan penjaja makanan di daerah Papar menghadapi beberapa cabaran iaitu pengurangan stok jualan, norma masak di rumah, pemberhentian operasi, tapak jualan dan had waktu operasi. Kesemua cabaran tersebut mempunyai skor min yang tinggi kecuali tapak jualan yang mencatatkan skor min sederhana. Inisiatif yang diambil bagi menarik pengguna mendapatkan produk jualan mereka pula ialah dengan melakukan pengiklanan secara atas talian, peningkatan kualiti produk jualan, perkhidmatan penghantaran, potongan harga dan promosi. Kesemua inisiatif tersebut mencatatkan skor min yang tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan penjaja makanan di daerah Papar bersetuju bahawa mereka ada melakukan inisiatif-inisiatif tersebut. Oleh itu, dapatan kajian ini akan dapat membantu penyelidik akan datang yang berminat untuk melakukan kajian berkaitan dengan topik kajian ini.

Kata Kunci: daerah Papar, penjaja makanan, cabaran, penyampaian produk jualan, inisiatif, pengguna, pandemik COVID-19.

ABSTRACT

CHALLENGES AND INITIATIVES OF FOOD VENDORS IN DELIVERING PRODUCTS FOR SALE TO CONSUMERS DURING THE PANDEMIC OF COVID-19 IN PAPAR DISTRICT, SABAH

COVID-19 is an infectious disease caused by Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2 (SARS-CoV-2). On January 30, 2020, the World Health Organization (WHO) declared COVID-19 as an international public health emergency after new cases of the epidemic spread outside of China, including Malaysia. In order to control the spread of this epidemic, various restrictions have been implemented by the government in most countries. In Malaysia, restrictions such as the Movement Control Order and the closure of national borders have been implemented. The restrictions implemented are seen to be able to control the spread of the epidemic. However, the restrictions implemented have a negative impact on the sustainability of businesses around the world including Malaysia. The closure of various sectors across the country including in the Papar district caused small traders and hawkers to face various difficulties in carrying out their business activities. Therefore, this study was conducted to examine the challenges faced by hawkers in Papar district in delivering sales products to consumers during the COVID-19 pandemic. In addition, this study also identified the initiatives taken by hawkers in Papar district in delivering their sales products to consumers during the COVID-19 pandemic. In order to achieve the objective of this study, the researcher applied a quantitative approach based on a questionnaire survey method involving 50 food vendors. Questionnaire data was analyzed with the help of IBM SPSS Statistics software. Descriptive analysis techniques such as frequency, percentage and mean value are used to explain the results of this study. The findings of this study show that food hawkers in Papar district face several challenges such as the reduction of sales stock, the norm of cooking at home, cessation of operations, sales sites and operating hours limits. All the challenges have a high mean score except the sales site which recorded a medium mean score. Initiatives taken to attract consumers to get their sales products are by doing online advertising, improving the quality of sales products, delivery services, price cuts and promotions. All the initiatives recorded a high mean score. This clearly shows that most of the food vendors in Papar district agree that they have done those initiatives. Therefore, the findings of this study will be able to help future researchers who are interested in doing research related to the topic of this study.

Keywords: Papar district, food vendors, challenges, delivery of sales products, initiatives, consumers, COVID-19 pandemic.

KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI PETA	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Matlamat Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Definisi Konseptual	4
1.6.1 Penjaja	4
1.6.2 Pengguna	5
1.6.3 Pandemik	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Skop Kajian	7
1.9 Lokasi Kajian	7
1.10 Ringkasan	8
1.11 Kesimpulan	10
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11

2.2	Ilmu Geografi	11
2.3	Geografi Manusia	12
2.4	Geografi Pengangkutan	12
2.5	Kajian Lepas Mengeai Pandemik	13
2.6	Undang-Undang Kecil Penjaja-Penjaja (UUKPP)	15
	2.6.1 Pendefinisan Konsep Penjaja Mengikut UUKP 1979	15
2.7	Makanan Jalanan (Street Food)	16
2.8	Kesan Pandemik Terhadap Peniaga Makanan	18
	2.8.1 Perubahan Dalam Sistem Operasi	18
	2.8.2 Tekanan Mental dan Fizikal	18
	2.8.3 Perubahan Trend / Norma Baharu	19
	2.8.4 Pemberhentian Operasi	20
	2.8.5 Pematuhan SOP	21
2.9	Isu Pembekal Makanan Semasa Pandemik	22
2.10	Inisiatif Yang Diambil Semasa Pandemik	23
	2.10.1 Pendigitalan	23
	2.10.2 Perkhidmatan Penghantaran Makanan	25
	2.10.3 Kualiti Makanan	26
2.11	Kesimpulan	28
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		29
3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Instrumen Kajian	31
3.4	Kajian Rintis	31
3.5	Pengukuran Menggunakan Skala Likert	32
3.6	Teknik Pengumpulan Data	33
3.7	Data Primer	33
	3.7.1 Soal Selidik	33
3.8	Data Sekunder	35
	3.8.1 Kaedah Kepustakaan	35
3.9	Teknik Analisis dan Persembahan Data	35
	3.9.1 Statistical Package For Social Sciences (SPSS)	35
	3.9.2 Spreadsheets	36

3.10	Kebolehpercayaan dan Kesahan Alat Pengukuran	36
3.11	Kesimpulan	38
BAB 4 : DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN		39
4.1	Pengenalan	39
4.2	Latar Belakang Profil Responden	39
4.3	Cabaran Yang Dihadapi Penjaja Makanan Di Daerah Papar Semasa Pandemik COVID-19	39
4.3.1	Stok Jualan	41
4.3.2	Norma Masak di Rumah	42
4.3.3	Pemberhentian Operasi	44
4.3.4	Tapak Jualan	45
4.3.5	waktu Operasi	46
4.4	Min Cabaran Yang Dihadapi Penjaja Makanan Di Daerah Papar Semasa Pandemik COVID-19	47
4.5	Inisiatif Penjaja Makanan Di Daerah Papar Bagi Menarik Pengguna Untuk Mendapatkan Produk Jualan Mereka Semasa Pandemik COVID-19	49
4.5.1	Kualiti Produk Jualan	49
4.5.2	Pengiklanan Atas Talian	51
4.5.3	Khidmat Penghantaran	53
4.5.4	Promosi (Banner)	54
4.5.5	Potongan Harga	56
4.6	Min Inisiatif Penjaja Di Daerah Papar Bagi Menarik Pengguna Untuk Mendapatkan Produk Jualan Mereka Semasa Pandemik COVID-19	57
4.7	Perbincangan	58
4.8	Kesimpulan	59
BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN		60
5.1	Pengenalan	60
5.2	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif	60
5.3	Langkah Dan Cadangan	61
5.3.1	Bantuan Daripada Pihak Kerajaan	61

5.3.2	Daftar Platform Penghantaran Makanan	61
5.3.3	Kawasan Bebas Berniaga	62
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	63
5.5	Kesimpulan	64
BIBLIOGRAFI		65




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	HALAMAN	
Jadual 2.1	Konsep-konsep Berkaitan Kajian	16
Jadual 3.1	Jadual Skala Likert Tingkat Persetujuan Peniaga Kecil Terhadap Cabaran dan Inisiatif Penjaja Semasa Pandemik COVID-19	33
Jadual 3.2	Petunjuk Tahap Kebolehpercayaan Soalan	36
Jadual 3.3	Keseluruhan Item / Soalan	37
Jadual 3.4	Nilai Alpha Cronbach (α) bagi cabaran yang dihadapi penjaja makanan semasa pandemik COVID-19	37
Jadual 3.5	Nilai Alpha Cronbach (α) bagi inisiatif yang diambil oleh penjaja makanan semasa pandemik COVID-19	37
Jadual 4.1	Demografi Responden	40
Jadual 4.2	Interpretasi Skor Min	47
Jadual 4.3	Jumlah Min Cabaran Yang Dihadapi Penjaja Makanan Semasa Pandemik COVID-19	48
Jadual 4.4	Jumlah Min Inisiatif Yang Diambil Oleh Penjaja Makanan Semasa Pandemik COVID-19	57

SENARAI RAJAH

	HALAMAN
Rajah 1.1 Ringkasan Keseluruhan Bab	8
Rajah 4.1 Stok Jualan	42
Rajah 4.2 Norma Masak Di Rumah	43
Rajah 4.3 Pemberhentian Operasi	44
Rajah 4.4 Tapak Jualan	46
Rajah 4.5 Waktu Operasi	47
Rajah 4.6 Min Cabaran Yang Dihadapi Oleh Penjaja Makanan Semasa Pandemik COVID-19	48
Rajah 4.7 Kualiti Produk Jualan	50
Rajah 4.8 Pengiklanan Atas Talian	52
Rajah 4.9 Khidmat Penghantaran	54
Rajah 4.10 Promosi (Banner)	56
Rajah 4.11 Potongan Harga	57
Rajah 4.12 Min Inisiatif Yang Diambil Oleh Penjaja Makanan Semasa Pandemik COVID-19	58



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	HALAMAN
Foto 3.1	34
Penyelidik Sedang Menerangkan Arahan dan Soalan yang Terdapat di Dalam Soal Selidik Kajian Kepada Salah Seorang Responden	



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	HALAMAN
Peta 1.1 Peta Daerah Papar, Sabah	8



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

F&B	<i>Food and Beverage</i>
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MKN	Majlis Keselamatan Negara
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
SARS-CoV-2	<i>Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2</i>
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPSS	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	HALAMAN
LAMPIRAN A	73
Foto 1	73
Proses Kutipan Data Soal Selidik Daripada Penjual Makanan Kering Di Pasar Am, Papar.	
Foto 2	73
Gerai Penjaja Makanan di Sekitar Benoni Commercial Center	
Foto 3	74
Banner Digantung Di Gerai Penjaja Bagi Mempromosikan Produk Jualan	
Foto 4	74
Gerai Penjaja Tanpa Banner	
Foto 5	75
Kutipan data daripada peniaga Mozzarella di Benoni Commercial Center	

LAMPIRAN B

Borang Soal Selidik

76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skala besar dan sekiranya dibiarkan, wabak tersebut boleh mengancam suatu kawasan yang lebih luas sama ada sebuah negeri, negara, benua atau dunia. COVID-19 ialah penyakit berjangkit yang berpunca daripada *Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2* (SARS-CoV-2) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Sehingga kini, dunia masih lagi menghadapi ancaman COVID-19. Pada 30 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai kecemasan kesihatan awam antarabangsa selepas kes baharu wabak tersebut merebak ke luar China. Wabak tersebut kemudiannya diisytiharkan sebagai pandemik global pada 11 Mac 2020. Menurut agensi kesihatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), jumlah kematian semasa pandemik COVID-19 antara 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021 adalah kira-kira 14.9 juta. WHO pula menganggarkan pandemik COVID-19 meragut hampir 15 juta nyawa di seluruh dunia dalam tempoh dua tahun mulai 2020. (BH Online, 6 Mei 2022).

Bagi memutuskan rantai COVID-19, Kerajaan Malaysia menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama hampir tiga bulan bermula 13 Mac hingga 3 Mei 2020. Pandemik COVID-19 memberi kesan buruk terhadap kemampuan perniagaan di seluruh dunia. Ini kerana kebanyakan negara di seluruh dunia termasuk Malaysia mengambil tindakan melaksanakan PKP sebagai langkah untuk mengawal penularan virus tersebut. Semasa PKP yang dilaksanakan dari bulan Mac hingga Mei 2020, hanya syarikat-syarikat yang menyediakan keperluan asas sahaja yang dibenarkan untuk menjalankan perniagaan mereka. Syarikat-syarikat dari sektor lain termasuk peniaga kecil dan penjaja pula terpaksa memberhentikan

operasi mereka buat sementara waktu selama kira-kira dua bulan iaitu dari bulan Mac hingga April 2020 (Noraida & Normaizatul, 2022). Penutupan pelbagai sektor tersebut turut menyebabkan orang ramai terbatas dalam melakukan aktiviti harian mereka.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia turut menjejaskan perniagaan di Malaysia termasuklah peniaga dan penjaja kecil. Dengan beberapa sekatan yang dilaksanakan dalam peringkat berbeza, penjaja di pasar dan jalanan mengalami pengurangan pendapatan. Waktu operasi perniagaan mereka juga menjadi terhad dan mereka turut mengalami kekangan logistik. Sekiranya keadaan sedemikian berterusan untuk jangka masa yang lebih panjang, semakin ramai individu dalam kumpulan tersebut akan berakhir dengan pendapatan yang jauh lebih rendah (Yap et, al., 2021). Oleh itu, adalah tepat pada masanya untuk kita memahami sejauh mana cabaran yang terpaksa ditempuhi oleh penjaja semasa pandemik COVID-19 serta inisiatif yang diambil oleh mereka dalam menarik pelanggan untuk mendapatkan produk jualan mereka semasa pandemik.

1.2 MATLAMAT KAJIAN

Terdapat dua matlamat kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini. Pertama, kajian ini dijalankan bagi mengkaji cabaran yang dihadapi oleh penjaja makanan di daerah Papar semasa dilanda pandemik COVID-19. Selain itu, matlamat kajian ini juga adalah bagi mengenal pasti inisiatif yang diambil oleh penjaja makanan di daerah Papar dalam menarik pelanggan untuk mendapatkan produk jualan mereka semasa pandemik COVID-19.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai berdasarkan isu dan permasalahan yang telah dikenalpasti. Antaranya ialah,

- i. Mengkaji cabaran yang dihadapi penjaja makanan dalam menyampaikan produk jualan mereka kepada pengguna semasa pandemik COVID-19.

- ii. Mengenal pasti inisiatif penjaja makanan di daerah Papar dalam menarik pelanggan untuk mendapatkan produk jualan semasa pandemik COVID-19.

1.4 PERMASALAHAN KAJIAN

Semasa pandemik COVID-19, kebanyakan negara di seluruh dunia termasuk Malaysia memutuskan untuk melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) bagi mengelak penularan virus itu. Namun begitu, tindakan tersebut mendatangkan kesan buruk terhadap kemampuan perniagaan di seluruh dunia. Semasa PKP yang dilaksanakan bermula Mac hingga Mei 2020, hanya syarikat yang menyediakan keperluan asas sahaja dibenarkan untuk menjalankan perniagaan mereka, manakala syarikat dari sektor lain termasuk peniaga kecil dan penjaja terpaksa menutup operasi mereka buat sementara waktu selama kira-kira dua bulan dari Mac hingga April 2020 (Noraida & Normaizatul, 2022).

Semasa pandemik COVID-19, penjaja dilaporkan menghadapi kesukaran dalam menjalankan perniagaan mereka dengan beberapa orang melihat perniagaan mereka mengalami kemerosotan hingga 50% disebabkan wabak virus COVID-19 (Lena dan Nabilah, 2020). Larangan berniaga oleh kerajaan bagi tempoh dua minggu mengakibatkan para penjaja kehilangan sumber pendapatan sehingga ada penjaja yang terpaksa menghabiskan wang simpanan mereka. (Saifullah, 2021). Menerusi laporan Saifullah Ahmad dalam akhbar *Sinar Harian Online* bertarikh 27 Januari 2021, di daerah Kinta sahaja, terdapat kira-kira 2,000 peniaga dan penjaja yang terjejas teruk dengan pengumuman penutupan pasar malam kerana PKP kerana kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kerja lain dan hanya bergantung kepada pendapatan menjaja di pasar malam sahaja.

Desakan dan tekanan perniagaan yang dihadapi semasa pandemik menyebabkan terdapat penjaja yang 'gulung tikar'. Bagi penjaja yang masih meneruskan operasi perniagaan mereka, kebanyakan mereka mengambil keputusan untuk beradaptasi dan melakukan inisiatif bagi memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Oleh itu, pelbagai inisiatif diambil oleh penjaja bagi menarik pelanggan untuk mendapatkan produk jualan mereka.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat dua persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini, iaitu:

- i. Apakah cabaran yang dihadapi penjaja makanan di daerah Papar dalam penyampaian produk jualan kepada pengguna semasa pandemik COVID-19?
- ii. Apakah inisiatif penjaja makanan di daerah Papar bagi menarik pelanggan untuk mendapatkan produk jualan mereka semasa pandemik COVID-19?

1.6 DEFINISI KONSEPTUAL

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep utama yang menjadi kata kunci utama kajian. Pendefinisian secara terperinci terhadap konsep tersebut adalah perlu dilakukan bagi memudahkan para pembaca dan penyelidik memahami setiap kata kunci yang digunakan dalam penulisan kajian ini. Terdapat tiga kata kunci utama digunakan dalam kajian ini iaitu penjaja, pengguna dan pandemik.

1.6.1 Penjaja

Menurut Faruqi (2012), penjaja merujuk kepada individu yang menjual barangan di laluan pejalan kaki dan laluan yang membawanya melalui sesebuah jalan. Bagi menarik perhatian orang ramai, mereka biasanya menggunakan pelekat, label dan tanda, atau mempamerkan barangan jualan mereka di tempat awam. Penjaja juga ditakrifkan sebagai peniaga runcit yang membawa barangan dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan mempamerkannya untuk dijual kepada orang ramai. Penjaja biasanya menjaja di laluan pejalan kaki dan kadangkala mereka juga menjaja di sebahagian daripada laluan kenderaan. Umumnya, penjaja lebih gemar menjaja di kawasan yang mempunyai aliran pejalan kaki agak tinggi seperti perhentian bas, persimpangan jalan utama, laluan pejalan kaki yang sibuk, kawasan berhampiran hospital, sekolah, pejabat dan pusat membeli belah yang besar.

Penjaja memainkan peranan penting dengan menyediakan komoditi yang diperlukan untuk kegunaan harian. Mereka menjual barangan tersebut pada harga

yang rendah kerana mereka tidak perlu membayar sebarang kos overhead seperti sewa kedai, bil elektrik, gas atau air. Seseorang individu lazimnya dianggap sebagai penjaja sekiranya mereka tidak mempunyai tempat tetap dalam menjalankan perniagaan, tetapi kerap membawa barang untuk dijual bersamanya. Barangan tersebut mesti ditawarkan untuk jualan dan penghantaran dilakukan serta-merta. Barangan yang dijual juga boleh ditukar ganti dan bukannya dijual secara tunai.

Menurut "Dasar Kebangsaan untuk Penjual Jalanan Bandar di India 2004" penjual jalanan secara umum ditakrifkan sebagai orang yang menawarkan barangan atau perkhidmatan untuk dijual kepada orang ramai tanpa mempunyai struktur binaan kekal tetapi dengan struktur statik sementara atau gerai bergerak (atau beban kepala). Penjaja jalanan mungkin tidak bergerak dengan menduduki ruang di atas turapan atau kawasan awam atau swasta yang lain. Mereka juga berkemungkinan bergerak dari satu tempat ke satu tempat dengan membawa barangan mereka di atas kereta sorong atau dalam bakul yang diletakkan di atas kepala mereka atau menjual barangan mereka dalam bas yang bergerak.

1.6.2 Pengguna

Menurut Akta Perlindungan Pengguna 1999, pengguna merujuk kepada (a) seseorang yang memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan bagi kegunaan sendiri atau isu rumah; (b) seseorang yang tidak memperoleh atau mengemukakan dirinya sebagai memperoleh atau menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan tersebut (Nurretina, 2003). Daripada penerangan akta tersebut dapat disimpulkan bahawa pengguna ditakrifkan sebagai orang perseorangan atau individu yang terlibat dalam pembelian barangan atau perkhidmatan untuk kegunaan diri sendiri. Kajian oleh Mohd Hamdan (1994) pula mentakrifkan pengguna sebagai seseorang individu yang membeli, menempah, menyewa dan mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk dirinya sendiri atau untuk orang yang diniatkannya. Dalam konteks kajian ini, pengguna merujuk kepada pelanggan yang datang ke gerai penjaja atau membeli produk makanan yang dijual.

1.6.3 Pandemik

Menurut Honigsbaum (2009), istilah "Pandemik" biasanya digunakan untuk merujuk kepada suatu wabak penyakit berjangkit yang menyerang secara meluas di seluruh negara, atau satu atau lebih benua pada masa yang sama. Namun begitu dalam tempoh dua dekad yang lalu, istilah ini gagal ditakrifkan oleh banyak teks perubatan moden. Teks yang berwibawa tentang pandemik juga tidak menyenaraikannya dalam indeksnya, termasuk sumber seperti sejarah perubatan yang komprehensif, buku teks epidemiologi klasik dan laporan Institut Perubatan 1992 yang berpengaruh mengenai jangkitan yang baru muncul (Morens, Folkers, & Fauci, 2009).

Definisi pandemik yang diterima di peringkat antarabangsa seperti yang terdapat dalam Kamus Epidemiologi terkenal ialah "wabak yang berlaku di seluruh dunia, atau di kawasan yang sangat luas, melintasi sempadan antarabangsa dan biasanya menjejaskan sejumlah besar orang" (Harris, 2000). Takrifan yang hampir sama diberikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) iaitu istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skala besar dan sekiranya dibiarkan, wabak tersebut boleh mengancam suatu kawasan yang lebih luas sama ada negeri, negara, benua atau dunia.

Berdasarkan kamus Epidemiologi tersebut, wabak boleh dikatakan berlaku setiap tahun di setiap hemisfera selatan dan utara, memandangkan takrifan istilah itu begitu luas. Antara takrifan moden istilah pandemik termasuklah "wabak meluas", "wabak di kawasan yang sangat luas dan biasanya memberi kesan kepada sebahagian besar penduduk", dan "diedarkan atau berlaku secara meluas di seluruh rantau, negara, benua atau global" (Morens et al., 2009).

Menurut Morens et.al. (2009), "Pandemik" tidak pernah menjadi satu istilah saintifik sebaliknya "pandemik" merupakan satu istilah subjektif yang popular. Sejak pertengahan tahun 1600-an, perkataan "pandemi" (atau "pandemick") pada mulanya adalah sangat tidak tepat sehingga boleh bermakna perkara yang berbeza, malah bercanggah, dalam konteks yang berbeza. Menurutnya, istilah "pandemik" berasaskan bahasa Greek iaitu "pan" (semua) dan "demo" (rakyat). Hal ini mencerminkan sifatnya yang meluas.